



Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : SKMM(S) 07-LICD/172001/C/A/(1)2021/(2) - MNI
Tarikh : **26 Ogos 2021**

Pengarah
ICT Automation (M) Sdn Bhd
No. 18 (PLO 184) Jalan Angkasa Mas 6
Kawasan Perindustrian Tebrau II
81100 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim

Melalui Pos

(U/P: En. Lim Yit Choy)

Tuan,

PENDAFTARAN SEBAGAI PEMEGANG LESEN KELAS PEMBERI PERKHIDMATAN APLIKASI [ASP(C)]

Notis Pendaftaran (dengan semua dokumen serta butiran yang berkaitan dan lengkap) untuk lesen kelas (Borang D) yang diterima dari syarikat tuan pada **23 Ogos 2021** adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa **ICT Automation (M) Sdn Bhd** telah didaftarkan sebagai pemegang lesen kelas pemberi perkhidmatan aplikasi (*applications service provider class license-ASP(C)*) bermula **26 Ogos 2021**. Pendaftaran Lesen Kelas ini adalah berkuatkuasa selama **1 tahun** dari tarikh pendaftaran tersebut. Sebarang permohonan untuk pendaftaran semula harus dikemukakan dalam tempoh 60 hari sebelum tamatnya tempoh sah laku pendaftaran ASP(C) yang sedia ada.

3. Sila ambil maklum bahawa pihak tuan hanya dibenarkan menawarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang telah dinyatakan dalam Perkara 3 Borang Pendaftaran Lesen Kelas (Borang D) tuan. Sekiranya pihak tuan berhasrat untuk memberi mana-mana perkhidmatan selain daripada yang dicatatkan dalam Borang D, sila kemukakan maklumat mengenai perubahan tersebut bersama dengan bayaran seperti yang diperuntukkan di dalam Jadual Kedua Peraturan-Peraturan Komunikasi Dan Multimedia (Pelesenan) 2000, seperti yang dipinda.

4. Menurut peruntukan Seksyen 126, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, seseorang yang mempunyai atau memberikan apa-apa kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, sama ada berkaitan dengan pemberi perkhidmatan aplikasi yang disebutkan di atas ataupun tidak, memerlukan lesen pemberi kemudahan rangkaian atau lesen pemberi perkhidmatan rangkaian yang berkenaan.

5. Pihak tuan dinasihatkan melayari laman web SKMM untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai syarat-syarat lesen ASP(C) yang harus dipatuhi oleh pihak tuan, seperti di bawah:

<https://www.mcmc.gov.my/skmmgovmy/files/attachments/ASP%20Class%20Licence%20ASP.C.2005.3.pdf>

6. Bersama ini disertakan salinan pendua notis pendaftaran yang telah diperakukan serta resit bernombor **AR13354** bagi bayaran fi sebanyak RM2,500.00 untuk simpanan tuan.

7. Sebagai makluman, pendaftaran lesen kelas ini adalah tertakluk kepada pelepasan cek **Public Bank Berhad**, bernombor **149599**. Sekiranya cek yang diberikan tidak mendapat pelepasan dari pihak bank, pendaftaran ini akan terbatal.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



AZNIFALINA ABU

Ketua

Jabatan Pelesenan

Bagi Pihak Pengerusi